



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 26 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MAFI KOMITED SIAPKAN PROJEK PEMBANGUNAN DIRANCANG, NASIONAL, SH -19 MAFI KOMITED SIAPKAN PROJEK PEMBANGUNAN DIRANCANG, SH -ONLINE TIGA HALA TUJU BAHARU MAFI DALAM RMK12, SH -ONLINE MESYUARAT MAYA MAFI BINCANG SINERGI KERAJAAN PUSAT DAN NEGERI, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6.	95KG UDANG KETAK TANPA PERMIT DISOROK BERSAMA TONG IKAN, NEGERI JOHOR/MELAKA, SH -26 SOROK 95KG UDANG KETAK DALAM TONG IKAN, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7.	NELAYAN DINASIHAT JANGAN TUBA IKAN SUNGAI DI PAHANG, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	BERI PERHATIAN KOLAM, SANGKAR IKAN SEDIA ADA, SIDANG DUN TERENGGANU, SH -23	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

MAFI komited siapkan projek pembangunan dirancang

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa komited memastikan setiap rancangan pembangunan dapat disiapkan seperti dirancang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bagaimanapun MAFI menghadapi beberapa kekangan di luar bidang kuasa yang menyebabkan kelewatan sesuatu projek pembangunan.

Menurutnya, antaranya disebabkan pandemik Covid-19, faktor cuaca, perubahan reka bentuk bagi menyesuaikan keadaan di tapak dan faktor aktiviti pertanian yang sedang dijalankan.

“Namun, pihak MAFI sentiasa membuat pemantauan secara berterusan ke atas projek ini dan pelan pemulihan yang dicadangkan oleh pihak kontraktor perlu dipatuhi.

“Sekiranya pihak kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh lanjutan kontrak telah diluluskan tanpa alasan kukuh, MAFI akan meneliti dan tidak teragak-agak mengenakan denda ganti rugi atau mana-mana tindakan boleh diambil berdasarkan syarat-syarat kontrak,” katanya di Dewan Rakyat kelmarin.

Beliau menjawab pertanyaan **Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak)** mengenai status projek pengairan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Sungai Manik dekat Teluk Intan, Perak dan pelan kerajaan untuk menyiapkan projek tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI komited siapkan projek pembangunan dirancang



Datuk Seri Ahmad Hamzah - Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa komited memastikan setiap rancangan pembangunan dapat disiapkan seperti dirancang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, akan tetapi pihak MAFI menghadapi beberapa kekangan di luar bidang kuasa yang menyebabkan kelewatan sesuatu projek pembangunan.

Menurutnya, antaranya ialah pandemik koronavirus (Covid-19), faktor cuaca, perubahan rekabentuk bagi menyesuaikan keadaan di tapak dan faktor aktiviti pertanian yang sedang dijalankan.

"Bagaimanapun pihak MAFI akan membuat pemantauan secara berterusan terhadap projek ini dan pelan pemulihan (recovery plan) yang dicadangkan oleh pihak kontraktor perlu dipatuhi.

"Sekiranya pihak kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh lanjutan kontrak telah diluluskan tanpa alasan kukuh, MAFI akan meneliti dan tidak teragak-agak untuk mengenakan denda ganti rugi atau mana-mana tindakan boleh diambil berdasarkan syarat-syarat kontrak," katanya di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) mengenai status Projek Pengairan IADA Sungai Manik dan pelan komunikasi itu untuk menyiapkan projek pengairan tersebut.

Ahmad berkata, dalam Rancangan Malaysia Ke-11, MAFI telah, sedang dan akan melaksanakan beberapa projek menaiktaraf sistem pengairan dan saluran di Skim Pengairan Sungai Manik.

Menurutnya, projek siap adalah kerja-kerja menaiktaraf sistem tersier tali air 3B serta kerja-kerja berkaitan di skim pengairan Sungai Manik, IADA Seberang Perak dengan kos sebanyak RM6.3 juta.

Selain itu, katanya, satu lagi projek yang telah disiapkan ialah menaiktaraf sistem saluran pengairan Sungai Manik fasa 1 di Hilir Perak dengan kos sebanyak RM 1.66 juta.

"Terdapat dua projek sedang dilaksanakan adalah projek menaiktaraf tali air kedua di tali air 1, 2, 3, 4 dan 5 di skim pengairan Sungai Manik di Hilir Perak dengan kos RM29.65 juta yang melibatkan kerja-kerja menaiktaraf tali air kedua sepanjang 25.0 kilometer.

"Kedua kerja-kerja menaik taraf tali air tersier di skim pengairan Sungai Manik, IADA Seberang Perak, Perak dengan kos RM8.16 juta sepanjang 13.0 kilometer," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Tiga hala tuju baharu MAFI dalam RMK12



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengenal pasti tiga hala tuju baharu dalam perancangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) untuk tempoh lima tahun akan datang.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, MAFI telah mengenalpasti beberapa hala tuju baharu yang akan diterajui dalam sektor pertanian termasuk industri padi, tanaman, ternakan dan perikanan.

"Pertama, mengoptimumkan penggunaan tanah, meningkatkan aplikasi teknologi moden dan membangunkan varieti yang berkualiti bagi industri padi.

"Kedua, membangunkan komoditi sayur-sayuran dan buah-buahan yang bernilai tinggi untuk tujuan domestik dan eksport bagi industri tanaman.

"Ketiga, meningkatkan pengeluaran daging dan susu melalui penubuhan Lembaga Ruminan Negara bagi industri ternakan dan keempat, memperkukuh pengurusan dan penguatkuasaan serta menambah baik infrastruktur dan kemudahan bagi industri perikanan," katanya di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Mohd Salim Sharif (BN-Jempol) mengenai hala tuju baharu bagi mentransformasikan sektor pertanian negara agar dapat meningkatkan tahap sara diri (SSL) seterusnya menjadi pengeksport keluaran pertanian terbesar di peringkat global.

Dalam pada itu, Ronald berkata, hala tuju tersebut di atas akan disokong oleh teknologi, kewangan dan sumber tenaga manusia bagi mengukuhkan rantaian nilai sektor agromakanan untuk meningkatkan SSL negara khususnya bagi beras (75 peratus), sayur-sayuran (70 peratus) dan daging (50 peratus) menjelang tahun 2025.

Katanya, usaha yang berterusan sentiasa dilaksanakan bagi memperkukuhkan negara sebagai pengeksport utama agromakanan yang kompetitif di peringkat antarabangsa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Mesyuarat maya MAFI bincang sinergi kerajaan pusat dan negeri



Mesyuarat Menteri Pertanian dan Industri Makanan bersama Exco Pertanian Negeri berlangsung di Bangunan Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR - Meneruskan sinergi antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam keberhasilan pengeluaran komoditi agromakanan antara intipati mesyuarat Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersama Exco Pertanian Negeri di Bangunan Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur semalam.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2020 itu turut dihadiri dua timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri II yang juga Menteri Pertanian dan Industri Sabah; Menteri Muda Pertanian Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah (MANRED) Sarawak dan Exco Pertanian Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Kelantan.

Sementara itu, Exco Pertanian Negeri Selangor dan Exco Pertanian Negeri Terengganu diwakili Unit Perancang Ekonomi Negeri masing-masing.

Ronald berkata, mesyuarat yang diadakan dua kali setahun itu juga bertujuan untuk mendapatkan maklum balas berhubung isu serta strategi pelaksanaan memperkukuh jaminan bekalan makanan negara di peringkat negeri masing-masing terutama dalam tempoh pandemik koronavirus (Covid-19).

"Saya berkongsi empat makluman penting bersama ahli-ahli Exco Pertanian negeri iaitu berhubung Sesi Perbincangan Belanjawan 2021 yang sedang berlangsung sehingga 26 November 2020, penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang bersidang pada 8 September 2020, penggubalan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 dan penangguhan Expo MAHA 2020," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau turut menekankan kepentingan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dirancang dengan baik bagi memastikan sumbangan positif sektor pertanian dan industri makanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Katanya, empat kertas makluman iaitu Bajet Pembangunan MAFI Tahun 2021 dan tiga kertas hala tuju Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) masing-masing bagi subsektor tanaman, ternakan dan perikanan dibincangkan.

"Turut dibincangkan ialah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Exco Pertanian Negeri yang secara ringkasnya dirumuskan meliputi isu-isu permohonan lesen nelayan Zon A, pembekalan benih padi serta cadangan-cadangan memperkasa infrastruktur, modal insan serta peluasan penggunaan teknologi pertanian di negeri-negeri.

"Mesyuarat ini juga secara prinsipnya bersetuju untuk menyegerakan penyelesaian isu-isu berbangkit demi memastikan kebajikan petani, penternak dan nelayan negara terus terpelihara," katanya.

Ronald berkata, kementerian amat komited dalam memastikan jaminan bekalan makanan negara kekal utuh melalui kerjasama dan sinergi berterusan bersama negeri-negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2020	SINAR HARIAN	NEGERI JOHOR/ MELAKA	26

95kg udang ketak tanpa permit disorok bersama tong ikan

ISKANDAR PUTERI - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor mematahkan cubaan eksport udang ketak tanpa permit ke Singapura di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Tanjung Kupang di sini malam kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, hasil pemeriksaan rapi pegawai Maqis di laluan lori eks-

port KSAB pada jam 10 malam menemukan 95 kilogram (kg) udang ketak tidak diikrarkan dan disorokkan bersama tong ikan yang mempunyai permit bagi mengelirukan pihak berkuasa.

“Kesemua udang ketak dianggarkan bernilai RM4,085 itu dirampas dan pemandu lori warga tempatan berusia 40 ditahan.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 11(2), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta sama yang jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sorok 95kg udang ketak dalam tong ikan

ISKANDAR PUTERI - Tindakan pemandu lori menyorokkan 95 kilogram (kg) udang ketak bersama ikan di dalam tong terbongkar selepas diperiksa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A. Rahman berkata, cubaan menyeludup hasil laut seberat 95 kilogram (kg) bernilai RM4,085 itu dikesan di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di sini.

"Sebuah lori dikesan menyembunyikan udang ketak bersama ikan. Pemeriksaan mendapati pemandu lori hanya memiliki permit membawa ikan.

"Tindakan itu dibuat dipercayai bagi mengelirukan pihak berkuasa," katanya dalam satu

kenyataan di sini semalam.

Menurut Nur Afifah, hasil laut itu dirampas dan pemandu lori yang berusia 40 tahun telah diambil keterangan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 11(2), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh diukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama.

"Kesalahan itu memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya.

Nur Afifah menegaskan, pihaknya sentiasa memantau aktiviti keluar masuk produk pertanian supaya mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.



SEBAHAGIAN udang ketak yang dirampas Maqis di Kompleks Sultan Abu Bakar, Johor Bahru semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2020	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/ SELANGOR/KL	22

Nelayan dinasihat jangan tuba ikan sungai di Pahang

KUANTAN - Nelayan sungai di Pahang dinasihatkan tidak menggunakan kaedah tuba atau meracun ikan kerana ia memberi kesan buruk dan mengakibatkan habitat ikan pupus.

Ahli Dewan Undangan Negeri Bebar, Datuk Mohammad Fakhrudin Mohd Ariff berkata, kaedah meracun ikan menggunakan karbofuran, methomil dan potas boleh mendedahkan keracunan kimia kepada hidupan itu.

“Penggunaan bahan ini sebenarnya akan memberi kesan tidak baik kepada habitat di Sungai Pahang dan boleh menjejaskan sumber bekalan ikan sungai.

“Jadi, kita mahu tindakan ini

dihentikan segera bagi memastikan pelbagai spesies ikan sungai di Pahang tidak akan pupus,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Kelmarin, Jabatan Perikanan Negeri Pahang melepaskan lebih 6,000 benih ikan lampam sungai dan baung sempena Program Pemuliharaan dan Perlindungan Sumber Perikanan Darat di Kampung Padang Rumbia, Pekan.

Beliau yang juga Exco Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia Negeri berkata, kerajaan melalui Jabatan Perikanan mengambil inisiatif melaksanakan program pemuliharaan sumber ikan dengan melepaskan benih,

ikan di semua sungai di Pahang.

“Walaupun hanya 20 hingga 30 peratus benih-benih ikan berjaya hidup dan membesar, namun usaha sebegini perlu dilaksanakan bagi memastikan sumber ikan sungai terus kekal serta tidak pupus,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, sebanyak 61,300 ekor benih ikan pelbagai spesies telah dilepaskan di 10 lokasi sungai di Pahang secara serentak.

Menurutnya, antara lokasi pelepasan benih ikan itu ialah di Sungai Benus, Kampung Janda Baik, Bentong melibatkan 11,300 ekor benih ikan kelah dan lampam sungai; Tasik Selemang, Kampung Gua, Lipis dan Sungai Klau, Felda Lembah Klau, Raub masing-masing 5,000 ekor benih ikan lampam).

Lokasi lain ialah di Sungai Kiol, Lembah Kiol, Jerantut, Sungai Pahang di Kampung Bangau Tanjung, Temerloh; di Kampung Lubuk Paku, Maran; dan di Kampung Padang Rumbia, Pekan.

Turut terlibat Sungai Bera, Bera; Sungai Keratong di Kampung Rekoh, Rompin, dan Sungai Ulu Kuantan di Kawasan Rekreasi Pasir Puteri, Kuantan.



Mohammad Fakhrudin melepaskan ikan sungai pada program pemuliharaan dan perlindungan sumber perikanan darat di Kampung Padang Rumbia, Pekan kelmarin.

26/11/2020

SINAR
HARIANSIDANG DUN
TERENGGANU

23

Beri perhatian kolam, sangkar ikan sedia ada

Pengusaha perlu mohon LMS daripada PBT, tidak dibenar gufa tanah kerajaan untuk bina kolam ikan secara haram

KUALA TERENGGANU

Kerajaan Terengganu tidak lagi membenarkan pencerooban baharu kawasan sungai, tasik dan tanah milik kerajaan dilakukan bagi tujuan membina kolam serta sangkar ikan secara haram.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, mana-mana pihak yang berbuat demikian selepas ini akan diambil tindakan.

Menurutnya, hanya kolam dan sangkar ternakan ikan yang sudah sedia ada sahaja akan diberi perhatian dan semua pengusaha diminta memohon Lesen Menduduki Sementara (LMS) daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Pembinaan kolam dan sangkar ikan secara haram di sungai, tasik dan tanah milik kerajaan adalah satu kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara yang mem-peruntukkan denda tidak lebih RM500,000 dan penjara tidak lebih lima tahun.

“Hasrat kerajaan adalah untuk selesaikan isu ini secara harmoni, bukan untuk menghukum rakyat. Sebab itu kerajaan berusaha beri LMS kepada pengusaha ikan sangkar di Besut. Setu dan beberapa lokasi lain,” katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan lisan **Muhammad Khalil Abdul Hadi (Pas-Batu Buruk)** mengenai kaedah kerajaan negeri bagi menangani isu pembinaan kolam dan sangkar ternakan ikan secara haram di sungai, tasik dan tanah milik kerajaan negeri pada Persidangan Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) ke-14 di Wisma Darul Iman di sini



DR AZMAN IBRAHIM

scmlam.
Dr Azman berkata, setakat ini Terengganu merekodkan sebanyak 1,036 sangkar ternakan ikan haram di seluruh negeri.

Daripada jumlah itu, katanya, 180 sangkar mempunyai LMS, 48 sangkar sudah tamat tempoh sah LMS, sebanyak 134 sangkar tidak mempunyai LMS manakala 674 sangkar lagi sudah pun memohon LMS dan dalam proses.

“Dasar tanah negeri Terengganu membolehkan pengusaha ternakan ikan sangkar memohon LMS dan ia perlu dimanfaatkan oleh rakyat.

“Keterbukaan ini akan wujudkan satu dilema seolah-olah kita galakkan rakyat ceroboh tanah, kolam dan tasik di tanah milik kerajaan tapi hasrat kerajaan sebenarnya bukan begitu.

“Selepas ini kita mahu selesaikan kolam dan sangkar ikan sedia ada sekarang dan kita tidak lagi membenarkan pencerooban baharu dilakukan dan jika ada, tindakan akan diambil,” katanya.